



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**

**YB MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP  
PENJARA LAHAD DATU, SABAH**

**29 OGOS 2023**

YANG BERUSAHA SAUDARA/SAUDARI PENGACARA MAJLIS;

YANG BERHORMAT DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
MENTERI DALAM NEGERI

YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI RUBI BIN HAJI UJI  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI NORDIN BIN HAJI MUHAMAD  
KOMISIONER JENERAL PENJARA

YANG BERUSAHA IR. TUAN HAJI BADOEZAMAN BIN AB KHALIK  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA (SEKTOR BANGUNAN)

YANG BERUSAHA IR. JASMI BIN WAHAB  
PENGARAH PEMBINAAN PASUKAN PROJEK KHAS 2 JKR

KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN  
KERAJAAN NEGERI;

KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI KDN;

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KDN, JABATAN KERJA RAYA (JKR) DAN  
JABATAN PENJARA MALAYSIA;

KONTRAKTOR UTAMA PROJEK, SYARIKAT JAHSIA SDN BHD DAN  
PASUKAN PERUNDING PROJEK, SETERUSNYA TUAN-TUAN DAN  
PUAN-PUAN, RAKAN MEDIA YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

Salam sejahtera dan selamat pagi

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir terutamanya kepada YB Menteri Dalam Negeri yang telah sudi meluangkan masa untuk sama-sama menyempurnakan majlis penyerahan projek siap ini

YB Datuk Seri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Pembinaan bangunan ini telah dipertanggungjawabkan kepada Pasukan Projek Khas 2 (PPK2) JKR Malaysia pada hujung tahun 2017 dengan siling projek sebanyak **RM200 juta**. Pelaksanaannya telah dibuat secara reka dan bina dan kontraktor yang berjaya dilantik adalah kontraktor Jahsia Sdn. Bhd.

Skop utama bagi projek ini adalah terdiri dari komponen bangunan seperti berikut:

- Penjara yang terdiri daripada blok banduan jatuh hukum, reman, asingan dan kuarantine, sementara dan HIV/Aids);
- Blok pentadbiran;
- Kuarters; dan
- Lain-lain bangunan sokongan seperti menara kawalan, klinik, bengkel kemahiran, masjid, dewan, kemudahan awam dan asas, peralatan bengkel jahitan, dobi, dapur dan infrastuktur.

YB Datuk Seri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Pembinaan penjara Lahad Datu, Sabah telah dilaksanakan dalam RMK-11 di kawasan seluas **30.63** ekar bagi mencapai objektif berikut:

- Dapat mengatasi kesesakan banduan di penjara negeri Sabah iaitu Penjara Tawau, Kota Kinabalu dan Sandakan.
- Pengurangan kejadian luar biasa seperti mogok, kelarian, gantung diri, percaduhan, tebusan dan penyeludupan artikel larangan dalam penjara yang disebabkan oleh kesesakan.
- Mengatasi masalah pengiringan banduan ke mahkamah.
- Memantapkan Program Pemulihan Insan (PPI)
- Peningkatan kemudahan asas banduan yang berkualiti dengan fasiliti yang lebih baik

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Pasukan Projek Khas 2 (PPK2) JKR Malaysia, kontraktor utama, sub-kontraktor yang dilantik, syarikat-syarikat perunding dan juga pihak-pihak lain yang terlibat sama kerana telah berjaya menyiapkan projek ini dapat menyiapkan projek ini dengan jayanya dengan hasil kerja yang sempurna dan berkualiti.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan pihak kontraktor agar dapat mengekalkan komitmen dan meneruskan tanggungjawabnya sepanjang tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan yang akan datang ini.

Adalah diharapkan apabila bangunan penjara ini diduduki, ia akan memberi keselesaan sepenuhnya kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara Malaysia dalam menjalankan tugasan sehari-hari.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak khususnya jabatan-jabatan kerajaan dan lain-lain agensi yang telah sama-sama memberi kerjasama di dalam pelaksanaan projek ini.

Ingin saya maklumkan di sini, JKR selaku agensi pelaksana kerajaan, memikul amanah rakyat untuk memastikan serta memenuhi aspirasi kerajaan agar projek disiapkan dengan sempurna, berkualiti dan tepat pada masa seperitimana yang telah dijanjikan.

Sekian dan terima kasih.